

01/01/2000

Acara meriah sambut tahun 2000

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Beribu-ribu warga kota membanjiri beberapa tempat di sekitar ibu negara, Petaling Jaya, Subang dan Damansara untuk menyambut kedatangan tahun 2000 malam tadi.

Tumpuan utama ialah di sekitar Menara Berkembar Petronas yang menyaksikan kira-kira 200,000 warga kota menanti detik 12 malam.

Kira-kira 30,000 orang pula menyaksikan sambutan tahun baru dan konsert terbuka di Jalan Bukit Bintang, manakala kira-kira 6,000 mengunjungi taman tema Sunway Lagoon.

Selain itu, pesta anjuran Salem Cool Planet di Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dikunjungi berpuluh ribu warga kota.

Persembahan muzik oleh kumpulan Millennium Drum Ensemble di bawah penyelarasan Lewis Pragasam dan pertunjukkan lampu Jean Micheal Jarre's Lighting Milenia menjadi tumpuan di Suria KLCC.

Warga kota mula membanjiri tempat berkenaan sejak jam 8 malam, menyebabkan beberapa laluan di sekitar ibu negara sesak. Beberapa jalan juga ditutup bagi membolehkan acara sambutan dijalankan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tiba di Menara Berkembar Petronas kira-kira jam 11.20 malam. Ketibaan Perdana Menteri disambut dengan tepukan gemuruh oleh orang ramai yang turut berebut untuk bersalam dengannya.

Dr Mahathir yang ditemani Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melihat detik 12 tengah malam pada layar raksasa di anjung tingkat satu sebuah restoran di Menara Berkembar itu.

Malah, setiap tingkap menara itu sehingga ke tingkat lima iaitu pusat beli belah sesak dengan orang ramai terutama yang berhadapan dengan Taman Rekreasi KLCC.

Turut hadir Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Tetamu dan pengunjung ke KLCC dihidangkan dengan nyanyian oleh artis popular tanah air termasuk Siti Norhaliza.

Sebaik saja tahun baru 2000 menyusul, suasana di bangunan tertinggi dunia itu semakin meriah dengan cahaya tembakan bunga api. Penonton juga dihidangkan pancaran laser berbentuk air pancut.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri konsert alaf baru di Jalan Bukit Bintang anjuran YTL Corporation.

(END)